

Polis temui mayat dalam but

MELAKA: Polis menemui mayat seorang remaja lelaki berusia 18 tahun, dipercayai mati dicekik, disembunikan dalam but sebuah Proton Saga dalam sekatan di Lebuh Tun Razak-Ayer Keroh, dekat sini, awal pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Salehuddin Abd Rahman, berkata mayat Yap Wai Seng dari Taman Seri Kerubong itu ditemui dalam kereta yang dinaiki oleh empat individu, termasuk seorang wanita kira-kira jam 1.15 pagi.

Katanya, susulan penemuan mayat berkenaan, semua individu terbabit termasuk tiga orang yang berasal dari negeri ini dan seorang lagi dari Ipoh, ditahan untuk siasatan lanjut.


"Sepasukan anggota kami sedang mengadakan sekatan pemeriksaan di laluan berkenaan apabila tiba-tiba sebuah Proton Saga menggunakan nombor pendaftaran MBK658 berhenti kira-kira 150 meter daripada mereka.

"Selepas mengesyaki sesuatu, mereka menghubungi sebuah kereta peronda untuk datang membantu. Mereka menghampiri kereta itu, menjalankan pemeriksaan dan menjumpai mayat itu dalam but," katanya.

Salehuddin berkata, pemeriksaan awal ke atas mayat remaja lelaki itu mendapati ada kesan luka pada leher dipercayai akibat dicekik, pada bahagian badan akibat kesan terkena objek tumpul serta satu batang paip dalam kereta itu.

"Kita sudah mendapatkan perintah reman selama tujuh hari ke atas mereka bagi membantu siasatan," katanya.

Sementara itu, ibu mangsa yang hanya dikenali sebagai Lee ketika ditemui terkejut dengan kejadian berkenaan dan berharap pihak berkuasa terbabit dapat menangkap



ANGGOTA polis forensik memeriksa mayat mangsa selepas ditemui mati di dalam but kereta di Lebuh Ayer Keroh, awal pagi semalam.



EMPAT suspek yang ditahan polis bagi membantu siasatan.

mereka yang bertanggungjawab atas kematiannya.

"Kali terakhir saya bertemu mendiang pada Khamis lalu kira-kira jam 3 petang kerana hendak meminta duit

RM10 bagi membeli petrol untuk motosikalnya. Dia tidak memberitahu sebarang perkara yang membimbangkan malah kelakuannya juga seperti biasa," katanya.